

Headline **PDRM juara futsal kategori wanita**
Date **08 Feb 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **220 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,692**
PRValue **29,077**



ATSHAH SUKAIMI | BERITA HARIAN

PDRM juara futsal kategori wanita

PUTRAJAYA: Pasukan futsal Polis Diraja Malaysia (PDRM) muncul sebagai juara kategori wanita dalam Kejohanan Futsal Penjawat Awam Putrajaya 2011.

Pasukan terbabit berjaya membawa pulang hadiah RM1,000 bersama piala dan hamper selepas menumpaskan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan 1-0.

Ketua pasukan, Angela Kais, 31, berkata kemenangan itu adalah kejayaan semua kakitangan PDRM di samping menyuntik semangat kepada ahli pasukan untuk berlatih dengan lebih baik bagi menghadapi pertandingan futsal akan datang.

"Kami memang tidak menyangka akan muncul sebagai johan melihatkan keadaan cuaca yang sedikit sebanyak mengganggu tumpuan kami sepanjang permainan.

"Namun, ia bukan penghalang untuk melakukan persembahan terbaik dan berusaha bersungguh-sungguh sehingga mencapai kemenangan ini," katanya.

Semua hadiah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Datuk Mohid Mohamed.

Selain itu, Angela berkata, hadiah RM1,000 itu akan diagihkan sama rata kepada ahli kumpulan yang mana akan

digunakan untuk tujuan yang lebih bermanfaat.

"Ini adalah kali pertama kami menyertai pertandingan futsal anjuran KBS dan kita berhasrat akan menyertai pertandingan ini pada masa akan datang bagi menyokong saranaan kerajaan memajukan sukan untuk negara," katanya.

Sementara itu, bagi kategori futsal lelaki, pasukan dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya mendapat tempat pertama, sekali gus membawa pulang hadiah RM1,500 bersama piala dan hamper selepas bertembung dengan pasukan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).